

31 OCT 2003

PM-Penghargaan/I

ABDULLAH DAN DR MAHATHIR TERUS TERIMA UCAP SELAMAT

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Ahli-ahli politik dan badan bukan kerajaan (NGO) terus menyampaikan ucap selamat serta penghargaan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad serta mengalu-alukan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri yang baru.

Dalam temu bual dengan Bernama, Presiden Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Prof Datuk Hamdan Adnan berkata persaraan Dr Mahathir hari ini membuktikan bahawa dakwaan orang luar kononnya beliau seorang diktator adalah tidak benar.

"Seorang tokoh besar akan bersara semasa berada di puncak kejayaannya dan semasa dia sedang amat popular.

"Ini mencerminkan komitmen penuhnya terhadap kebajikan negara. Tiada diktator yang akan berundur sekiranya dia hanya memikirkan tentang kepentingan sendiri dan bukan kebajikan negara," kata Hamdan.

Beliau berkata penubuhan tiga institusi iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) dalam tempoh 22 tahun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri dengan sendirinya menyangkal dakwaan pihak luar kononnya beliau tidak menghormati hak asasi manusia.

"Dengan adanya semua institusi ini, beliau kini boleh mendapatkan rehat yang amat beliau perlukan selama ini," kata Hamdan.

Dr Mahathir juga dapat melepaskan jawatan dengan senang hati kerana mengetahui beliau mempunyai pengganti yang cekap dan wawasannya akan terlaksana 100 peratus, kata pesuruhjaya Suhakam itu.

Sementara itu, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok berkata pelbagai perubahan besar yang dibawa oleh Dr Mahathir dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat daripada golongan petani di kawasan pedalaman hingalah kepada usahawan bertaraf antarabangsa.

Dompok, yang juga presiden Pertubuhan PasokmomoGun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) berkata parti itu menghargai sumbangan, sokongan dan motivasi yang diberi oleh Dr Mahathir dalam mendorong mereka untuk terus berjuang bagi membangunkan negara bersama parti lain dalam Barisan Nasional.

"Kami hanya mampu melahirkan ucapan terima kasih serta penghargaan yang tidak terhingga atas sumbangan beliau selama 22 tahun memimpin Kerajaan Malaysia dan Barisan Nasional," katanya.

Dompok berkata Perdana Menteri Malaysia kelima juga adalah pemimpin yang berkaliber serta mampu menerajui negara dengan cemerlang.

Setiausaha agung Majlis Belia Malaysia, Norizan Sharif pula berkata badan itu yang mewakili 10 juta belia Malaysia merakamkan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir yang telah memperkenalkan dasar pendidikan bagi membentuk generasi mereka.

"Beliau membuat rakyat negara ini percaya terhadap kemampuan negara serta kebolehan untuk bersaing," katanya.

Majlis itu juga yakin Abdullah akan meneruskan kejayaan cemerlang yang telah dirintis oleh Dr Mahathir dan perdana menteri lain sebelum ini.

Katanya, majlis itu juga percaya Abdullah akan memberi keutamaan kepada belia yang merupakan aset bagi pembangunan negara dan memberi peluang kepada mereka untuk turut terlibat dalam usaha-usaha pembangunan di pelbagai peringkat.

"Majlis ini percaya kesediaan dan sikap terbuka Datuk Seri Abdullah untuk mendengar pendapat semua pihak, termasuk belia, akan membolehkan

generasi muda terus terlibat dalam usaha pembangunan dengan cara yang lebih bermakna," katanya.

Ketua Paderi Kuala Lumpur, Murphy Pakiam berkata Gereja Katolik berdoa agar Tuhan memberi kekuatan, kebijaksanaan dan kesihatan yang baik kepada Abdullah dalam mentadbir negara dan menghadapi pelbagai cabaran.

Pakiam, yang juga presiden Persidangan Paderi Katolik Malaysia berkata mereka berharap kemesraan dan hubungan muhibah yang wujud di kalangan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini akan terus meningkat.

Mereka juga berikrar akan terus memberi sokongan kepada Abdullah untuk memupuk keadilan, keamanan dan keharmonian demi kesejahteraan semua rakyat.

Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD) turut mengucapkan tahniah kepada Abdullah.

Presiden PPTD Datuk Seri Aseh Che Mat berkata: "Sebagai satu persatuan pegawai-pegawai kanan kerajaan, kami berjanji akan menyokong sepenuhnya pentadbiran negara di bawah pimpinan YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi demi kemajuan serta kestabilan ekonomi dan sosial negara."

Aseh berkata persatuan itu berasa amat bangga kerana buat julung kalinya dalam sejarah Malaysia setelah 46 tahun merdeka, jawatan perdana menteri kini dipegang oleh seorang bekas Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

PPTD turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Mahathir di atas bimbingan dan sokongan beliau kepada para pegawai tadbir dan diplomatik selama ini.

Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD) turut mengucapkan tahniah kepada Abdullah.

Presiden PPTD Datuk Seri Aseh Che Mat berkata: "Sebagai satu persatuan pegawai-pegawai kanan kerajaan, kami berjanji akan menyokong sepenuhnya pentadbiran negara di bawah pimpinan YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi demi kemajuan serta kestabilan ekonomi dan sosial negara."

Aseh berkata persatuan itu berasa amat bangga kerana buat julung kalinya dalam sejarah Malaysia setelah 46 tahun merdeka, jawatan perdana menteri kini dipegang oleh seorang bekas Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

PPTD turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Mahathir di atas bimbingan dan sokongan beliau kepada para pegawai tadbir dan diplomatik selama ini.

Parti Keadilan Rakyat turut mengucapkan tahniah kepada Abdullah atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia.

Presidennya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan timbalan presiden Dr Syed Husin Ali berkata Abdullah akan menghadapi pelbagai cabaran, antaranya masalah lama yang diwarisinya.

"Kami berharap Datuk Seri Abdullah akan menangani segala cabaran dan menyelesaikan semua masalah secara demokratik atas asas keadilan, kebenaran dan kesaksamaan," kata mereka.

Mereka mengharapkan beliau akan membawa perubahan dan pembaharuan dalam kehakiman, polis dan akhbar "supaya kewibawaan dan kebebasannya dapat dipulihkan dan rakyat ramai yakin dan percaya terhadapnya."

Mereka berdoa semoga beliau akan "mendukung serta mempraktikkan asas-asas keadilan dan kasih sayang yang diajar oleh Islam dan juga semua agama yang dianuti di negara ini."

-- BERNAMA

SMO HS PR